

# KEBANGGAAN KAMI SELAMANYA



#KamiTeamMalaysia #BangkitBersama  
#SemangatNegaraku #Negaraku

**TEAM MALAYSIA™**

Pasukan Sorak Rasmi Atlet Negara  
Sukan SEA dan Sukan PARA ASEAN

www.teammalaysia.my

PENAJA PLATINUM



# Terjunan taraf dunia

Jun Hoong raih emas acara 1 meter papan anjal individu wanita



Saiful Affendi Sapran  
saifulaffendi@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Cheong Jun Hoong nyata tiada tandingan selepas penerjun berstatus juara dunia itu menepati ramalan memenangi pingat emas acara 1 meter papan anjal individu wanita, semalam.

Jun Hoong yang mencipta sejarah muncul juara dunia dalam acara 10 meter platform wanita di Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest bulan lalu, meraih 268.55 mata selepas lima terjunan.

Seorang lagi peserta negara, Jasmine Lai Pui Yee juga meraih perak (233 mata) manakala Ngo Phuong Mai dari Vietnam gangsa dengan catatan 207.80 mata.

Meskipun belum pulih da-




FOTO: AIZUDDIN SAAD

JUN Hoong melakukan terjunan di Pusat Akuatik Negara Bukit Jalil, semalam.

## AKUATIK

### TERJUN - 1M PAPAN ANJAL WANITA

1. Cheong Jun Hoong	(MAS)	268.55 mata
2. Jasmine Lai Pui Yee	(MAS)	233.00 mata
3. Ngo Phuong Mai	(VIE)	207.80 mata

ripada kecederaan belakang, Jun Hoong tetap mampu menghadirkan emas untuk Malaysia.

"Walaupun sering beraksi di Sukan SEA, tetapi kali ini suasannya agak lain kerana mendapat sokongan padu

penyokong tuan rumah.

"Ini adalah satu-satunya acara yang saya serta pada temasya kali ini. Jadi selepas ini saya boleh berehat untuk meneruskan proses pemulihan kecederaan belakang," katanya.

Jun Hoong juga tidak terkilan kerana tidak diturunkan untuk acara 10 meter platform yang menyaksikannya meraih emas di Budapest.

"Banyak lagi peserta muda yang dapat diketengahkan untuk Sukan SEA. Ia pendekahan yang baik untuk mereka," katanya yang menyertai Sukan SEA kali pertama pada 2003 di Hanoi.

Selain Jun Hoong, Malaysia turut membolot emas dalam acara 10 meter platform lelaki menerusi Ooi Tze Liang.

Penerjun negara itu mencatat 442.65 mata selepas enam terjunan mengatasi rakam senegara Chew Yiwei yang meraih perak dengan catatan 412.75 mata.

Gangsa milik peserta Singapura, Jonathan Chan Fan Keng yang meraih 367.90 mata.

makan kedudukan menjadi 17-17.

Bagaimanapun, ketika Filipina merasakan merepat merangkul pingat emas, pengadil akhirnya memutuskan Alcantara tidak lagi layak beraksi kerana sudah mengumpul 10 kesalahan dan sebulat suara memberikan kemenangan mutlak buat Malaysia.

Keputusan itu nyata mencerikkan skuad taekwondo Malaysia apabila berjaya menuai pingat emas pertamanya pada hari kedua selepas sekadar berpuas hati dengan dua pingat gangsa yang disumbangkan Nur Intan Zulaika Mohd Firdaus dalam acara Kyorugi wanita bawah 62 kg dan P Thinagaran dalam acara Kyorugi lelaki bawah 74kg.

Sementara itu, Rozaimi menyifatkan penantiannya selama empat tahun begitu berbaloi selepas berjaya meraih pingat emas pertamanya di Sukan SEA sekali gus



FOTO: DANIAL SAAD

Rozaimi tambah emas negara

## TAEKWONDO

### KYORUGI - BAWAH 68KG LELAKI

1. Rozaimi Rozali	(MAS)	
2. Arven Alcantara	(PHL)	
3. Nutthawee Klompong	(THA)	
4. Sorphamixay Sithikon	(LAO)	

ROZAIMI (atas) tumbangkan Alcantara di KLCC, semalam.



## KEDUDUKAN PINGAT

	E	P	G	JUMLAH
MALAYSIA	96	63	62	221
VIETNAM	52	38	47	137
THAILAND	50	71	67	188
SINGAPURA	48	41	57	146
INDONESIA	31	47	58	136
FILIPINA	22	28	55	105
MYANMAR	7	9	17	33
LAOS	2	3	12	17
KEMBOJA	1	0	10	11
BRUNEI	0	4	7	14
TIMOR LESTE	0	0	0	0

Kedudukan pingat setakat jam 10.30 malam tadi

## PEMENANG PINGAT EMAS SEMALAM

27 OGOS

1. Soufi Rusli (Boling padang - individu)
2. Koi Sie Yan (Gimnastik - gimrama individu keseluruhan)
3. Mohamad Faizal Norizan & Ahmad Syukri Abdul Aziz (Pelayaran - International 470 class lelaki)
4. Irwandi Lakasek (Berbasikal - perlumbaan scratch lelaki)
5. Muhamad Uzair Amin Mohd Yusof & Naquib Eiman Shahrin (Pelayaran - international 420 class lelaki)
6. Gimnastik (Gimrama acara gelung berpasukan)
7. Rozaimi Razali (Taekwondo - kyorugi bawah 68kg lelaki)
8. Emma Firyana Sarozi (Boling padang- individu wanita)
9. Cheong Jun Hoong (Terjun - 1m papan anjal wanita)
10. Julian Lee (Luncur ais - figure skating lelaki)
11. Ooi Tze Liang (Terjun - 10m platform lelaki)
12. Khairil Nizam Rasol, Fadhil Mohd Zonis & Shariz Efendi Shahrin (Berbasikal - Pecut berpasukan lelaki)
13. Fatehah Mustapha & Farina Shawati (Berbasikal - Pecut berpasukan wanita)

memperbaiki pencapaiannya di Sukan SEA Myanmar 2013.

lain kecederaan patah hidung ketika beraksi di Kejuaraan Dunia, Jun lalu.

"Saya memunggu empat tahun untuk kembali beraksi kerana kecederaan menyebabkan saya terlepas untuk mewakili negara pada temasya 2015. Nyata ia bukanlah penantian yang sia-sia," katanya.